



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 35/2009**

Pembahagian Tugas-tugas Dalam Urusan Pengambilan Tanah



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 35/2009**

Pembahagian Tugas-tugas Dalam Urusan Pengambilan Tanah

Pekeliling ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memberi garis panduan mengenai pembahagian tugas-tugas dan keseragaman polisi dalam urusan pengambilan tanah bagi projek-projek Kerajaan Persekutuan yang perlu dipatuhi oleh setiap JKPTG Negeri dan Pentadbir Tanah.

2. Dengan ini, pembahagian tugas seperti di **Lampiran A** perlulah diikuti supaya semua Pentadbir Tanah mewujudkan keseragaman di dalam urusan pengambilan tanah di semua peringkat.
3. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya pekeling ini, maka Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 2/1986 dibatalkan.



(DATO' ABD HALIM BIN AIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4
Tarikh: 31 Disember 2009

**PROSES DAN TATACARA DALAM URUSAN PENGAMBILAN TANAH
OLEH JKPTG DAN PENTADBIR TANAH**

Bil.	Perkara	Tindakan Oleh
1.	Mengenal pasti tapak (Pemilihan kesesuaian tapak mengikut Pekeliling PTP Bil. 1/2003).	Agensi Pemohon/ JKPTG Negeri
2.	Permohonan Pengambilan Tanah.	Agensi Pemohon
3.	Permohonan rasmi kepada Pihak Berkuasa Negeri.	JKPTG Ibu Pejabat
4.	Mendaftar dan membuka fail permohonan.	JKPTG Negeri/ Pentadbir Tanah
5.	'Charting' ke atas lembaran lito.	JKPTG Negeri/ Pentadbir Tanah
6.	Lawatan dan laporan tapak.	JKPTG Negeri
7.	Menyediakan draf Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK).	JKPTG Negeri
8.	Semakan dan mengemukakan Kertas ke MMK.	PTG
9.	Menyediakan dokumen pewartaan.	JKPTG Negeri
10.	Permohonan pewartaan kepada Percetakan Nasional.	JKPTG Negeri/PTG
11.	Kerja-kerja penandaan di atas tanah.	JKPTG Negeri/ Agensi Pemohon
12.	Endorsan cadangan pengambilan (Borang D).	JKPTG Negeri/Pendaftar
13.	Prosiding Perbicaraan.	JKPTG Negeri
14.	Penyediaan dan Pengeluaran Borang G dan H.	JKPTG Negeri
15.	Pembayaran pampasan.	Agensi Pemohon
16.	Penyediaan dan penyerahan Borang K.	JKPTG Negeri
17.	Endorsan Borang K, luput dan lain-lain endorsan berkaitan.	JKPTG Negeri/Pendaftar
18.	Penyediaan dan penyampaian Notis Borang L.	JKPTG Negeri
19.	Catatan dalam dokumen hakmilik keluaran.	JKPTG Negeri/Pendaftar
20.	Meminda cukai tanah di atas daftar hakmilik dan daftar cukai.	JKPTG Negeri/Pendaftar
21.	Permohonan permintaan ukur (PU).	JKPTG Negeri
22.	Pengiraan semula pampasan selepas ukur halus.	JKPTG Negeri
23.	Urusan penarikan balik pengambilan tanah (prosedur seperti di bil. 7 hingga 10).	JKPTG Negeri/Pendaftar

Bil.	Perkara	Tindakan Oleh
24.	Endorsan penarikan balik.	JKPTG Negeri/Pendaftar
25.	Penyenggaraan rekod Kemajuan Pengambilan Tanah.	JKPTG Negeri/Pendaftar

* Nota

JKPTG – Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan

PTG – Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri